



**KES-KES HADHANAH
DI MAHKAMAH SYARIAH**

KES-KES JURNAL HUKUM DARI JILID 40 - 47

Kes Mat Ghani Bin Ismail Iwn. Samsiyah Binti Mansor, JH 40 (1)

- ✓ Kelayakan Responden (ibu) dipertimbangkan dengan isu kebajikan dari sudut agama dan sahsiah diri kanak-kanak tidak dibentuk dengan sewajarnya oleh bapa.
- ✓ Isu memanggil anak adalah isu dan fakta baru diperingkat rayuan kerana anak belum mumayyiz.

Kes Halistina Binti Mohd Noor Iwn. Shafirin Bin Salleh, JH 40 (2)

- ✓ Mahkamah Rayuan Syariah memanggil anak membuat pilihan kerana anak teah mumayyiz.
- ✓ Anak pertama pilih bapa dan anak kedua pilih ibu.

Kes Harwati binti Zakaria Iwn Engku Aminuddin bin Engku Ibrahim, JH 41 (1)

- ✓ Pilihan anak ketiga dibuat semula oleh Hakim Bicara sebelum membuat keputusan.

Kes Rabiatul Aziemah Binti Alias Iwn Norsuhaimie Bin Musa, JH 41 (2)

- ✓ Penjelasan tentang prosiding interim hadhanah secara ex-parte dan inter-parte.
- ✓ Anak belum mumayyiz dan tidak eloknya bertukar-tukar hak jagaan yang boleh memberi kesan terhadap anak-anak.

Kes Siti Rawaida Binti Zainul Arif Iwn. Abdul Rahman Bin Md. Din, JH 44 (1)

- ✓ Berkaitan dengan perintah tegahan membawa anak ke luar negara secara ex-parte.
- ✓ Permohonan perintah ex-parte perlu mempunyai alasan khas @ elemen keterdesakan rujuk **Kes Radziah Ibrahim Iwn. Peter Rudolph Gottschalk [2009] 1 CLJ (Sya) 465** dan **Badrul Hisham Mohamed Ramlilwn. Hayati Mohamad Nazir [2008] 1 CLJ (Sya) 332**.
- ✓ Alasan terdesak – bahawa Responden (ibu) penerima biasiswa YDA dan akan lanjutkan pelajaran ke United Kingdom – ada kemungkinan akan membawa 2 orang anak.

KES-KES JURNAL HUKUM DARI JILID 40 - 47

Kes Abdul Azizi Bin Rahibun lwn. Siti Zubaidah Binti Suhaini, JH 44 (1)

- ✓ Plaintiff dakwa Defenden (ibu) hilang kelayakan disebabkan Plaintiff sukar untuk melawat anak dan ia gagal dibuktikan
- ✓ Guna prinsip anggapan Undang-Undang dan Hukum Syarak – ibu yang berhak menjadi hadinah anak belum mumayyiz.
- ✓ Ibu dinasihatkan tidak menghalang hak lawatan kepada bapa.

Kes Mohd Khaizam Bin Kamsan lwn. Shahrina Binti Sahabuddin, JH 44 (1)

- ✓ Persetujuan yang direkodkan sebagai Penghakiman Persetujuan mempunyai kesan dan sifat seperti Perintah / Penghakiman lain dan ia bukan perjanjian. Arahan Amalan 5/2006 – ia tidak boleh ditarik balik atau dirayu dan tidak menghalang untuk memfailkan kes mengubah perintah / penghakiman.

✓ Kes Wan Mohd Kamil Bin Wan Abd Ghani lwn. Rosliza @ Mazwani Binti Mohamed Mustapha, JH XXI (1) – ubah perintah atas faktor wujud pemasalahan pelaksanaan bagi perintah / penghakiman sebelumnya dan telah berlakunya perubahan matan.

✓ Kes Goh Kong Hong lwn. Lembaga Kumpulan Simpanan Pekerja, Rayuan Sivil No. : R3-12A-294-095 – Prinsip Res-Judicata tidak terpakai apabila merit kes belum didengar dan diputuskan oleh Mahkamah.

✓ Kes Babji Bin Babjan lwn. Zainab Binti Mohd Saleh, JH 29 (2) – Mahkamah boleh ubah syarat sesuatu perjanjian berhubung dengan penjagaan atau nafkah seorang anak jika ia munasabah dan untuk kebajikan anak tersebut.

KES-KES JURNAL HUKUM DARI JILID 40 - 47

Kes Jamaludin Bin Che Murad lwn. Dasmati, JH 44 (2)

- ✓ Berkaitan semakan terhadap perintah hak lawatan.
- ✓ Kes Mahmud Abu Bekir Taib lwn. Shahnaz A. Majid, Kes Semakan (Wilayah Persekutuan) No. : 14000-003-0033-2012- Semakan boleh bagi kes masih dalam prosiding atau kes yang telah selesai diputuskan (proses yang digunakan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam membuat sesuatu keputusan atau Keputusan itu menyalahi Hukum Syarak & Undang-Undang.
- ✓ Kes Khadrisahah Bin Khalid lwn. Fadhilah Binti Othman, Kes Semakan (Selangor) No. : 10000-003-0009-2011 – Semakan adalah proses Mahkamah atasan menilai keputusan yang dikeluarkan oleh Mahkamah bawahan melalui proses dan prosiding yang betul.
- ✓ Kes Adi Asri Bin Baharom lwn. Andini Nidia Putra, Kes Semakan (Selangor) No. : 10000-003-0015-2012 - panduan tentang kes-kes yang boleh disemak dan dirayu.

- ✓ Kes Mohamed Asmawi Bin Mohd Zin lwn. Zaid Bin Jusoh, JH 40 (2) – perintah Mahkamah Tinggi Syariah dibatalkan kerana terdapat kecacatan dalam prosedur kes.

Kes Ahmad Azhar Bin Othman lwn Rozana, JH 45 (2)

- ✓ Setiap kes yang didaftarkan tanpa asas perkahwinan yang sah memberi kesan kepada kes tersebut.

Kes Maya Binti Ahmad Fuaad lwn. Hisham Bin Halim, JH 46 (2)

- ✓ Wujud 14 kes di Mahkamah Tinggi Syariah dan 9 kes di Mahkamah Rayuan Syariah
- ✓ Kes Mohd Ibrahim Bin Mohd Sharif lwn. Pendakwa Syarie Pulau Pinang, JH 13 (2) – Mahkamah Rayuan Syariah menggunakan kuasa pengawasan dan penyemakan berdasarkan seksyen 68 EPAIS.
- ✓ Kes Wahid Bin Abdul Shattar lwn. Rosidah Binti Ahmad, Kes Rayuan (Selangor) No. : 10000-099-0008-2016 - Seksyen 68 EPAIS Mahkamah Rayuan Syariah atas kehendaknya memanggil mana-mana rekod perbicaraan untuk membuat semakan.

KES-KES JURNAL HUKUM DARI JILID 40 - 47

Kes Shahrul 'Alam Bin Aminuddin lwn. Amei Farhana Binti Abd. Rashid, JH 46 (2)

- ✓ Beban membuktikan ketidaklayakan sebagai penjaga ditanggung kepada pihak yang mendakwanya.
- ✓ Pihak-pihak terikat dengan pliding – Kes **Mursida Binti Mustakim lwn. Hashim Bin Abdullah, JH 19 (1)**.
- ✓ Hadhanah boleh dilucutkan jika kelakuan tidak bermoral mendatangkan kesan negatif / memudharatkan dan menjejaskan kebajikan kanak-kanak. Curang dalam tempoh perkahwinan itu adalah fasid dan hilang kelayakan apabila fasid atau tidak bermoral.
- ✓ Perintah interim diasaskan kepada affidavit semata-mata yang dinilai secara mendatar serta memerlukan campurtangan segera daripada Mahkamah.
- ✓ Kes induk hadhanah akan dibuat penelitian yang terperinci dan mendalam.

Kes Charlotte Mary Erica Leng lwn. Anis Sani Bin Ariffin, JH 47 (2)

- ✓ Plaintiff dakwa Defenden (bapa) hilang kelayakan kerana minum arak.
- ✓ Defenden dakwa Plaintiff tidak solat, puasa dan isu persekitaran anak yang dijaga oleh Pembantu Kristian.
- ✓ Mahkamah sahkan bahawa Plaintiff dan Defenden hilang kelayakan atas isu tidak berkelakuan baik mengikut akhlak Islamiyyah secara terbuka dan keterlaluan.
- ✓ Atas isu kebajikan anak-anak – Mahkamah memberikan penjagaan kepada ibu dengan syarat-syarat anak-anak dihantar ke kelas fardhu ain dan kelas agama dengan kos ditanggung oleh bapa.

KES-KES BELUM DILAPORKAN DALAM JURNAL HUKUM

Kes Abdul Malek Bin Abdul Kadir lwn. Zulzilawati Binti Jusoh, Kes Rayuan (Selangor) No. : 10000-028-0084-2016 - 1 Mac 2018

- ✓ Perayu membangkit isu bahawa Responden tidak layak mendapat hak jagaan anak disebabkan telah membawa anak tersebut ke Dungun, Terengganu dengan niat untuk menghalang Perayu menjalankan pengawasan terhadap anak tersebut.
- ✓ Panel Rayuan Syariah Negeri Selangor telah memutuskan *“beban untuk membuktikan ketidaklayakan Responden sebagai penjaga adalah ditanggung oleh pihak Perayu. Oleh kerana Perayu telah gagal membuktikan ketidaklayakan Responden tersebut, maka hak tersebut hendaklah dikekalkan.”*
- ✓ Terma lawatan yang dibuat oleh YA Hakim Bicara disahkan kerana telah mengambil kira keadaan Perayu dan Responden.

Hazlan Bin Abdul Hakim lwn. Zhibek Suleyeva, Kes Rayuan (Selangor) No. : 10000-028-0015-2017 – 5 Mac 2018

- ✓ Dakwaan Responden (ibu) hilang kelayakan – tidak dapat dibuktikan sepenuhnya.
- ✓ Anak dipanggil dan memilih ibu. Anak kedua (perempuan) di bawah umur 9 tahun juga dipanggil untuk menyatakan pilihannya – tidak menghalang Mahkamah untuk mengetahui isi hati dan kehendak anak tersebut sebab anak kecil di bawah jagaan ibunya.
- ✓ Terma lawatan telah mengambil kira semua keadaan.

Kes Norchaya Binti Talib lwn. Azmi Bin Sharom, Kes Rayuan (Selangor) No. : 10000-028-0020-2017 – 9 Mac 2018

- ✓ Hakim Bicara memanggil anak untuk menyatakan pilihannya.
- ✓ Hakim memanggil semula anak ketiga selepas 2 tahun untuk dinyatakan pilihannya semula.

KES-KES BELUM DILAPORKAN DALAM JURNAL HUKUM

Kes Maizatul Aznin Binti Mohamed Iwn. Salihin Bin Ismail, Kes Rayuan (Selangor) No. : 10000-028-0046-2017 - Pada 13 Julai 2018

- ✓ **Apa-apa perintah berkenaan jagaan dan lawatan anak boleh dimohon ubah pada bila-bila masa tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 76 EUUKIS 2003.**
- ✓ **Tiada peruntukan Undang-Undang dan Hukum Syarak yang menyebut secara spesifik berhubung hak bermalam namun mengikut kaedah uruf dan di dalam perintah-perintah hadhanah Hakim-Hakim Syarie sebelum ini.**

Kes Anwar Hasni Bin Nayan @Abu Hassan Iwn. Nurliza Binti Ahmad, Kes Rayuan (Pulau Pinang) No. : 07000-028-0002-2017 - 28 September 2018

- ✓ **Dakwaan ibu hilang kelayakan berdasarkan seksyen 84 (c) EUUKIS – Tukar pemastautinan.**

- ✓ **Seksyen 84 (c) EUUKIS hendaklah dibaca bersama seksyen 87 EUUKIS.**
- ✓ **Anak telah mumayyiz dan pilih untuk tinggal dengan ibu.**
- ✓ **Berlaku pertembungan keinginan penjaga (bapa) dan keinginan anak-anak - masalah dan kebajikan anak-anak yang akan diberi keutamaan.**
- ✓ **Seorang perempuan yang gagal menjadi seorang isteri tidak boleh dibuat suatu anggapan bahawa dia juga gagal untuk menjadi seorang ibu yang baik; begitulah juga sebaliknya – Rujukan kes Zamari bin Ibrahim Iwn Marliza binti Sulaiman dalam Kes Rayuan No. : 14050-028-0003-2016 - nusyuz terhadap suaminya tidak boleh dijadikan alasan bagi menafikan hak ibu untuk mendapatkan hak jagaan terhadap anak-anaknya.**

KES-KES BELUM DILAPORKAN DALAM JURNAL HUKUM

Kes Mohd Saiful Bin Mohd Said Iwn. Noraina Binti Mohamat, Kes Rayuan (Negeri Sembilan) No. : 05000-025-0008-2015 - 15 Oktober 2018

- ✓ Tuntutan mengubah hak jagaan anak disebabkan Responden telah berpindah tempat berkerja dan tempat tinggalnya ke Terengganu.
- ✓ Panel berpendapat berpendapat bahawa tidak menjadi kesalahan kepada Responden membawa anak-anak tersebut tinggal bersamanya di Terengganu dan bersekolah di sana.

Kes Fetteley @ Badrul Khair Iwn. Rosnah Binti Ahmad, Kes Rayuan (Wilayah Persekutuan) No. : 14000-025-0046-2017 - 8 Januari 2019

- ✓ Perayu juga telah gagal memberikan justifikasi yang sewajarnya terhadap perubahan perintah yang patut diberikan oleh YA Hakim Bicara. Ianya bertepatan dengan peruntukan subseksyen 75 Akta 303.
- ✓ Mahkamah menolak fakta baru semasa peringkat rayuan.

Kes Semakan Arafiah Binti Aman Iwn. Sulaiman Bin Alias , Kes Semakan (Selangor) No. : 10000-003-0113-2018 - 10 Januari 2019

- ✓ Kekhilafan Hakim Bicara terhadap pilihan anak sebagai keputusan muktamad.
- ✓ Kes Muhammad Riduan bin Baba Iwn. Hazlinda biinti Abdul Hamid (Kes Semakan (Selangor) No : 10000-003-0015-2011 – Keterangan pihak-pihak perlu diambil untuk menilai isu kebajikan anak dan tidak memadai dengan pilihan anak semata-mata.

KES-KES BELUM DILAPORKAN DALAM JURNAL HUKUM

Kes Osman Bin Alias Iwn. Rohana Bin Razali, Kes Rayuan (Selangor) No. : 10000-028-0131-2017 – 17 Jun 2019

- ✓ Penggunaan affidavit keterangan bagi pihak-pihak yang bertikai tidak bercanggah dengan seksyen 100 dan 101 ETMMSS 2003. Panel Rayuan tidak bersetuju dengan pendapat Panel Rayuan lain di dalam kes Zainab Bin Mohd Hussain Iwn. Latifah Binti Hassan & 9 Yang Lain, Kes Rayuan Selangor No. : 10000-017-0022-2017.
- ✓ Isu permohonan pertukaran Hakim yang perlu dibuat melalui permohonan interlokutori di bawah seksyen 187 ETMMSS 2003.
- ✓ Sumpah *istizhar* berdasarkan seksyen 121 ETMMSS 2003 adalah untuk kes *al qada' ala al-ghaib* sahaja dan bukan bagi kes yang mana-mana pihak pernah hadir.

- ✓ Isu penentuan hak dan terma lawatan anak dalam keadaan anak-anak telah meningkat umur dari belum memayyiz kepada mumayyiz adalah bersesuaian dan adil didengar dalam keterangan langsung pihak-pihak dalam korum kes perubahan perintah berdasarkan seksyen 76 EUUKIS 2003.

KES-KES SEMAKAN PERINTAH INTERIM

Semakan Kes Interim Inter-Parte Yang Diluluskan

- ✓ Tidak wajar perintah interim ex-parte disemak.
- ✓ Semakan hanya berkaitan dengan tatacara dan prosedur sahaja berdasarkan Arahan Amalan No. 7/2014 – “Apa-apa kesilapan dalam proses membuat keputusan yang menjejaskan keadilan atau keputusan yang jelas menyalahi nas-nas Syarak yang qatie atau jelas berlawanan dengan undang-undang yang sedang berkuatkuasa telah berlaku dan keputusan tersebut tidak menyalahi Hukum Syarak dan undang-undang”

1. Noor Azrin Binti Abd. Razak Iwn. Saiful Johari Bin Ahmad, Kes Semakan (Selangor) No. : 10000-003-0154-2018 - 5 April 2019 – Anak mumayyiz tidak dipanggil untuk menyatakan pilihan dan tiada sumpah istizhar dilafazkan berdasarkan seksyen 121 (b) ETMMS.
2. Nur Adillah Binti Ya’akop Iwn. Ahmad Hafiszan Bin Md Othman, Kes Semakan (Melaka) No. : 04000-003-0006-2019 - Pada 5 Julai 2019 - YA Hakim Bicara telah terkhilaf kerana tidak memberi peluang kepada Pemohon dan Peguam Syarie untuk meneliti Afidavit Jawapan serta membuat persediaan bagi tujuan penghujahan. Ini menyebabkan terdapat kekurangan dari segi hujah lisan yang telah dikemukakan oleh Pemohon.